

30 SEP 1998

Mahathir-Timbalan

MAHATHIR AKAN BERBINCANG MENGENAI TIMBALAN PERDANA MENTERI BARU

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau perlu berunding dengan rakan-rakannya dalam Umno sama ada untuk melantik seorang Timbalan Perdana Menteri sebelum pemilihan parti tahun depan untuk menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucutkan daripada jawatan itu pada 2 Sept, lepas.

Di persidangan berita di pejabatnya di sini, Perdana Menteri berkata walaupun sebelum ini beliau telah menyatakan yang timbalannya tidak akan dilantik sehingga selesai pemilihan dalam Umno, soal melantiknya sekarang adalah sesuatu yang perlu dirunding dengan pemimpin-pemimpin lain Umno.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai kemungkinan negara menghadapi ketidakstabilan politik ataupun tidak melalui proses pemindahan kuasa secara lancar jika apa-apa berlaku kepada Perdana Menteri memandangkan ketiadaan Timbalan Perdana Menteri sekarang ini.

"Ini sesuatu yang saya perlu berunding dengan rakan-rakan dalam Umno. Saya bertanggungjawab berunding dengan mereka," kata Dr Mahathir, yang juga presiden Umno.

Pemilihan Umno dijadualkan lewat tahun depan dan dengan Anwar yang juga bekas Timbalan Presiden Umno dilucutkan keanggotaan parti ekoran penyingkirannya daripada jawatan kerajaan, kini Umno tidak mempunyai Timbalan Presiden yang secara tradisinya menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir pernah berkata beliau tidak akan melantik seorang timbalan buat masa ini kerana tidak mahu dilihat sebagai memihak kepada mana-mana naib presiden parti yang bakal memegang jawatan itu.

Beliau berkata jika sesuatu berlaku pada dirinya, maka Umno sebagai parti yang mempunyai paling banyak wakil dalam Parlimen, perlu memilih seorang ketua untuk dilantik sebagai perdana menteri.

Umno mempunyai tiga naib presiden -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Muhammad sedang bercuti daripada parti untuk menyelesaikan masalah peribadi, menjadikan Najib dan Abdullah layak dipertimbangkan untuk jawatan itu.

Pada persidangan berita khusus untuk media tempatan itu, perdana menteri membayangkan kemungkinan seorang timbalan dilantik setelah seorang pemberita berkata bahawa jika sesuatu berlaku padanya, "kekecohan politik mungkin berlaku kerana ramai pemimpin Umno mahu menjadi perdana menteri."

Beliau sekali lagi bercakap mengenai hasratnya untuk bersara penghujung tahun ini yang terpaksa ditangguhkan kerana krisis ekonomi serantau.

Dr Mahathir, yang telah menjadi perdana menteri selama 17 tahun, berkata bahawa pada usia 73 tahun, masanya telah tiba bagi beliau bersara dan sebab itulah beliau telah mendidik Anwar bagi mengambil alih.

Katanya Anwar paling layak mengambil alih sebagai perdana menteri tetapi selepas beliau yakin bekas timbalannya itu, yang kini menghadapi 10 tuduhan meliwat dan rasuah, tidak layak daripada segi moral untuk jawatan itu, beliau terpaksa melucutkan Anwar dengan segera.

"Saya tidak boleh tunggu lagi kerana jika sesuatu berlaku kepada saya, dia akan menjadi perdana menteri negara ini," katanya.

Selaras dengan sifatnya yang suka berterang terang, Dr Mahathir berkata pada usia 73 tahun, beliau boleh "mati mengejut" pada bila-bila masa, dan menambah kata, "malahan, orang yang lebih muda pun boleh mati mengejut."

"Saya tahu, setelah sekali mengalami serangan jantung sebelum ini,"

kata Dr Mahathir yang diserang sakit jantung pada 1989 dan menjalani pembedahan pintasan.

-- BERNAMA

AU MAI